

D.R. 5/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2024 [*Akta A1697*] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu.

[]

BAHAWASANYA, berikutan penyusunan semula Kabinet pada 12 Disember 2023, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula dan beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan daripada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2024:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]:

DAN BAHAWASANYA menurut Perkara 100 Perlembagaan Persekutuan, penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Akta Perbekalan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

- 1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024.
- (2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.

Penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi tahun 2024

2. Maka dengan ini diuntukkan semula sejumlah wang yang tidak melebihi enam ratus empat puluh lapan juta lima ratus tiga puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM648,537,400) daripada Kumpulan Wang Disatukan seperti yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2024 bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2024.

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	64,912,200
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	21,673,000
B. 14	Kementerian Perpaduan Negara	1,433,200

*Perbekalan (Penguntukan Semula
Peruntukan Perbelanjaan)*

3

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	783,700
B. 33	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	340,087,300
B. 47	Kementerian Komunikasi	37,382,400
B. 50	Kementerian Digital	182,265,600
JUMLAH		648,537,400

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penguntukan semula daripada Kumpulan Wang Disatukan sejumlah wang sebanyak enam ratus empat puluh lapan juta lima ratus tiga puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM648,537,400) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-Undang ini bagi tahun 2024 berikutan dengan penyusunan semula beberapa kementerian dan penubuhan beberapa kementerian baharu supaya selaras dengan penyusunan semula Kabinet pada 12 Disember 2023.

[PN(U2)3356]